

17 JUN 1999

Khalil-Umno

KEPIMPINAN DR MAHATHIR AKAN PASTIKAN KEMENANGAN BN, KATA KHALIL

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob yakin Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan sekali lagi mengetuai Barisan Nasional (BN) mencapai kemenangan pada pilihan raya umum akan datang.

"Saya amat yakin beliau boleh memimpin kami mencapai kemenangan, seperti sebelum ini," katanya dalam satu temuramah dengan media asing di sini hari ini.

Sambil menjadikan kemenangan BN dalam pilihan raya negeri Sabah baru-baru ini sebagai contoh, Khalil berkata Dr Mahathir akan mengejutkan pengkritiknya pada pilihan raya akan datang.

"...Lihat Sabah sebagai contoh. Jika berdasarkan apa yang diperkatakan oleh media asing, kami akan kalah dan mungkin Perdana Menteri sendiri akan meletakkan jawatan, tetapi anda sendiri boleh lihat keputusannya. Anda boleh menerjemahkan itu sebagai satu kejutan," katanya.

Beliau berkata jentera BN pada pilihan raya Sabah baru-baru ini berjaya memberikan penerangan yang betul kepada rakyat.

"Kami biarkan mereka sendiri mengadili dan menilai apa yang kami telah lakukan untuk mereka," katanya.

Semasa ditanya pendapatnya sama ada Umno akan mempunyai masa depan tanpa Dr Mahathir, Khalil berkata: "Umno bergantung kepada dua faktor -- kepimpinan yang mantap dan keanggotaan yang besar dari segi jumlah dan sumbangan."

Beliau juga dengan nada penuh yakin menjawab "ya, ya dan ya" semasa ditanya sama ada beliau yakin Dr Mahathir akan terus memimpin Umno.

Mengenai persiapan Umno dalam memastikan kemenangan pada pilihan raya umum akan datang, Khalil berkata jentera pilihan raya sememangnya sudah bersedia.

"Apa yang boleh saya katakan ialah ia lebih teratur," katanya.

Khalil menegaskan bahawa Umno mampu menggerakkan jentera yang ada dengan begitu pantas. Menurutnya ini adalah kelebihan Umno kerana ia mempunyai jentera parti yang berpengalaman.

Semasa ditanya sama ada barisan pembangkang kini lebih berwibawa berbanding dulu, beliau berkata tiada tanda-tanda pembangkang boleh bersepakat.

"Saya tidak nampak kemungkinan mereka boleh membentuk gabungan yang kukuh," katanya.

Khalil percaya bahawa pakatan pembangkang masih kucar-kacir kerana mereka gagal mewujudkan asas-asas bagi membolehkan mereka bergabung.

"Sebagai contoh mereka sibuk dengan isu mengenai siapa yang layak menjadi perdana menteri sedangkan mereka sepatutnya memberi tumpuan kepada usaha untuk bersatu terlebih dahulu," katanya.

Mengenai dakwaan ramai anggota Umno kini menyertai pembangkang, beliau menegaskan tidak wujud trend sedemikian berdasarkan pemeriksaan data keanggotaan parti. "Tiada tanda-tanda anggota meninggalkan Umno."

Tidak seperti ketika Semangat 46 ditubuhkan, ramai pemimpin parti meninggalkan Umno termasuk menteri-menteri kabinet yang menunjukkan penghijrahan keluar beramai-ramai anggota, katanya.

Khalil berkata beliau akan mengumumkan jumlah anggota terbaru Umno esok bagi menjawab dakwaan kononnya parti kehilangan ramai anggota dalam tempoh setahun ini.

-- BERNAMA

NZ AD RON